



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

KENYATAAN MEDIA

KOTA KINABALU, 19 JULAI 2026 – Kementerian Kerja Raya (KKR) dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah menganjurkan Program Kolaborasi Strategik Kerja Raya Malaysia Tahun 2026 di Le Méridien, Kota Kinabalu. Program ini merupakan acara tahunan dan platform yang menghimpunkan sinergi antara KKR, JKR Malaysia, JKR Sabah, JKR Sarawak, dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) untuk membincangkan isu-isu utama dan fokus hala tuju dalam pembangunan infrastruktur negara, serta mempromosikan penggunaan inovasi, teknologi dan kaedah kerja terkini dalam mempertingkatkan pengurusan projek pembinaan.

Program pada tahun ini yang dilaksanakan mulai 19 hingga 21 Julai 2026 adalah bertemakan “*Game Changer* Pembinaan: Memperkasa Pendigitalan dalam Ekosistem Pembinaan Pintar”. Sektor pembinaan telah melalui transformasi dari sektor berasaskan konvensional kepada digitalisasi. Selama ini, sektor ini dikenali sebagai sektor 3D – *Dirty, Dangerous and Difficult*. **Pendigitalan sektor ini melalui penggunaan teknologi pembinaan dan bahan binaan mesra alam seperti menggabungkan Industrial Building System (IBS) dan Building Information Modelling (BIM) akan mengurangkan percanggahan dan kesilapan reka bentuk, mengoptimumkan kos projek dan mengurangkan sisa bahan binaan di tapak projek, sekaligus memberi peluang dan ruang untuk pekerja tempatan berkembang.** Justeru, sasaran game changer pembinaan akan mengubah sektor pembinaan daripada sektor 3D kepada sektor 1D – *dignified*.

Program kolaborasi ini dihadiri seramai 140 orang peserta yang terdiri daripada pengurusan tertinggi dan pegawai teknikal dalam profesion pembinaan di peringkat Persekutuan, Sabah dan Sarawak. Pada tahun ini, Sabah selaku tuan rumah telah memberikan komitmen jitu dengan kehadiran YB Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam, Timbalan Ketua Menteri I merangkap Menteri Kerja Raya & Utiliti Sabah, dalam menjayakan program ini.

Pengisian program kali ini memfokuskan kepada amalan terbaik daripada projek mega nasional seperti ECRL untuk meningkatkan ketepatan masa, kecekapan kos, dan integriti. Selain itu, perkongsian kajian kes bagi isu dan cabaran dalam pelaksanaan projek berimpak tinggi khususnya di negeri Sabah dalam penyiapan fasa kritikal Lebuhraya Pan Borneo turut dibentangkan. Selaras dengan Dasar Pembinaan Negara 2030, program ini juga mengetengahkan isu kepentingan integrasi digital dalam penyelenggaraan kitaran hayat aset. KKR menekankan bahawa pengurusan aset yang berkesan, melalui penyelenggaraan berkala bukannya sekadar kos semata-mata tetapi merupakan pelaburan jangka panjang demi keselamatan rakyat.

Sesi Menandatangani Memorandum Persefahaman Penggunaan Premis Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak Bagi Penubuhan Makmal MyBIM Malaysia

Majlis Perasmian Program Kolaborasi Strategik Kerja Raya pada hari ini juga turut menyaksikan Sesi Menandatangani Memorandum Persefahaman Penggunaan Premis Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak bagi Penubuhan Makmal MyBIM Malaysia antara Kementerian Kerja Raya dengan Jabatan Kerja Raya Sabah dan Jabatan Kerja Raya Sarawak.

Kerajaan Persekutuan sedang mempergiat inisiatif memperluaskan penggunaan BIM dalam pelaksanaan projek pembangunan Kerajaan selaras dengan pekeliling Kerajaan yang sedang berkuat kuasa. Oleh demikian, bagi menyokong inisiatif tersebut, Kerajaan Persekutuan bercadang menubuh dan mengoperasikan Makmal MyBIM Malaysia di JKR Sabah dan JKR Sarawak. **Perjanjian Persefahaman ini menandakan komitmen bersama kedua-dua pihak Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk memperkasakan pendigitalan dalam ekosistem pembinaan pintar demi mempertingkatkan penyampaian projek Kerajaan.**

Makmal ini dilengkapi dengan perkakasan dan perisian BIM bagi menyokong koordinasi reka bentuk dan pembinaan secara bersepadu



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

KENYATAAN MEDIA

sebagai kemudahan strategik untuk diguna pakai oleh pegawai teknikal JKR dan kontraktor serta perunding yang terlibat dengan projek-projek pembangunan infrastruktur Kerajaan. Perisian BIM yang bercirikan teknologi pemodelan 3D ini membolehkan projek disimulasikan secara maya bagi mengurangkan ralat reka bentuk, menjimatkan perbelanjaan, dan mempercepatkan penyerahan projek sebelum pembinaan fizikal bermula.

Bagi memodenkan sektor pembinaan, KKR melalui JKR dan CIDB sedang memperluas rangkaian Makmal BIM di seluruh negara, termasuk di Sabah dan Sarawak.

Sesi Menandatangani Deklarasi Data Aset Jalan (DDJ)

Sesi menandatangani deklarasi aset data jalan ini dilaksanakan bagi menunjukkan komitmen antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam memperkukuh kecekapan dan akauntabiliti pengurusan data aset jalan. Di Malaysia, pemilik jalan raya dan aset-aset yang berkaitan dengannya adalah di bawah bidang kuasa pelbagai Kementerian dan agensi sama ada di peringkat persekutuan mahu pun negeri. Sebagai contoh, bagi negeri Sabah, mana-mana jalan negeri adalah di bawah seliaan Kerajaan Negeri dan agensi-agensi di bawahnya. Hasil pengumpulan data melalui inisiatif ini merekodkan rangkaian jalan negeri di Sabah adalah sepanjang 20,323.402 km. Manakala 1,637.944 km jalan persekutuan di Sabah adalah di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya Malaysia.

Sehubungan itu, KKR kini sedang memperhebatkan inisiatif ke arah mewujudkan ekosistem data jalan negara yang lebih bersepadu dan berautoriti dalam satu platform. Melalui kerjasama strategik di bawah Deklarasi Data Aset Jalan (DDJ), Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan akan mempunyai rekod 21 kategori data yang sama merangkumi pemilik jalan, nama jalan, lokasi jalan dan aset-

aset yang tersedia bagi setiap jalan seperti lampu isyarat, jambatan, lampu jalan dan lain-lain.

Usaha ini merupakan asas transformasi pengurusan aset jalan negara bagi membolehkan perancangan, pembangunan dan penyenggaraan infrastruktur lebih sistematik, telus dan terkini. Malah, pengukuran prestasi pengurusan aset berasaskan *Predictive Analytics* (Analisis Ramalan) akan dapat menyokong pelaksanaan sistem *Accrual Budgeting* (Belanjawan Berasaskan Akruan) di peringkat Persekutuan mahupun Negeri.

Menjelang 2030, melalui DDJ ini, adalah disasarkan sekurang-kurangnya 80% data aset jalan direkodkan berdasarkan Tatacara Umum Pengurusan Data Aset Jalan. Ini adalah sebahagian daripada agenda utama di bawah Program MyJalan yang telah dilancarkan pada tahun 2023.

Sehingga Julai 2026, KKR telah berjaya menjalinkan kolaborasi strategik bersama Kedah, Sarawak dan Terengganu. **Sesi menandatangani DDJ pada hari ini bersama Kementerian Kerja Raya dan Utiliti Sabah (KKRUS) serta Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah (KKTP) menjadi momen penting dalam memastikan data aset jalan negeri Sabah lengkap dan terkini.** KKR sentiasa mengalu-alukan Kementerian dan agensi pemilik jalan di seluruh Malaysia untuk menjadi sebahagian daripada Keluarga DDJ dalam mewujudkan “**Satu Data, Satu Standard, Satu Ekosistem Data Jalan Nasional**”.

Inilah aspirasi sebenar MyJalan! Setiap data membawa makna. Setiap keputusan memberi kesan. Setiap tindakan demi rakyat.

#TAMAT#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
19 JULAI 2026